

13 AUG 2002

Mahathir-Renggang

PM TEGUR UNIVERSITI KURANG PEKA HUBUNGAN PENUNTUT PELBAGAI KAUM

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sesetengah pengurusan universiti yang kurang berusaha untuk merapatkan hubungan penuntut pelbagai kaum di institusi masing-masing.

Perdana Menteri berkata bahkan ada kakitangan universiti sendiri yang bertindak merenggangkan hubungan antara pelajar berlainan keturunan.

"Ada orang yang bekerja di universiti yang bukan sahaja tak pupuk persahabatan antara kaum tetapi mereka membuat perkara yang menyebabkan kaum-kaum semakin lama semakin mengasingkan diri," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di sini.

Perdana Menteri diminta menjelaskan lebih lanjut kandungan ucapannya yang antara lain menyebut usaha secara proaktif perlu dilakukan untuk merapatkan hubungan antara penuntut pelbagai kaum di universiti bagi mengelakkan kewujudan masyarakat dewasa Malaysia yang memperlihatkan sikap perkauman yang semakin ketara.

Ditanya sama ada masalah pengasingan kaum di universiti serius, Dr Mahathir berkata: "Ia semakin merosot. Sepatutnya, semakin lama kita semakin rapat.

"Kita cuba dengan sistem pendidikan kebangsaan tetapi ini jelas gagal disebabkan oleh orang-orang tertentu yang menyelewengkan dasar-dasar. Sekarang kita dapati jarak antara kaum lebih jauh dari dulu."

Menurutnya, antara alasan yang digunakan untuk merenggangkan hubungan pelajar berlainan keturunan ialah agama sehinggalah kepada cara berpakaian.

"Kita (kerajaan) nak mengawal (keadaan seumpama itu) tapi di universiti ada pihak yang sengaja buat yang berbeza daripada dasar-dasar kerajaan. Kita cuba nak cantum bagi semua kaum lebih rapat (tetapi) mereka cuba merenggangkan kaum dengan macam-macam cara," katanya.

Perdana Menteri turut diminta mengulas kenyataan Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam yang menganggap langkah menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik sebagai terburu-buru dan tidak demokratik.

"Itulah, kalau kita nak buat sesuatu yang baik, PAS tetap akan politikkan perkara itu dan mengkhianati segala tujuan baik kita. Itulah tugas PAS. Apa juga kerajaan buat yang baik, PAS akan menentang dan menghasut rakyat supaya menentang," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir menegaskan sekali lagi bahawa tidak ada motif politik di sebalik langkah kerajaan itu.

"Langkah itu bukan bercorak politik. Ia tidak bermaksud untuk merosakkan budaya atau identiti pelbagai kaum yang ada di Malaysia. Ia dibuat semata-mata kerana kita perlu mengakui bahawa Bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu hari ini sama seperti bahasa Arab dan Latin pada suatu masa dahulu."

Ketika ditanya mengenai perbezaan pendapat dalam lingkungan Barisan Nasional mengenai isu itu, beliau menyatakan keyakinan bahawa perkara itu akan dapat diatasi.

"Kita boleh menyelesaikan perkara ini dengan cara kita sendiri. Kita pernah menyelesaikan masalah yang lebih berat daripada ini," kata Dr Mahathir.

Mengenai perkara lain, Perdana Menteri berkata kerajaan persekutuan akan mengambil tindakan terhadap kerajaan Pas di Terengganu jika ia menyalahi mana-mana undang-undang berkaitan pelaksanaan versi mereka

terhadap hukum hudud.

"Jika mereka melakukan sesuatu yang tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan yang meliputi seluruh negara, maka memanglah kita tidak dapat bekerjasama dengan mereka, dan kita mungkin terpaksa mengambil tindakan terhadap mereka jika mereka menyalahi undang-undang," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM ZS NMO